

# Keberkesanan Program Kepimpinan Muda YADIM Dalam Membentuk Kepimpinan Dakwah Belia: Suatu Tinjauan Empirikal Terhadap Alumni 2016–2023

Mohd Rosdi bin Ripin<sup>1, a)</sup> dan Zuharyati binti Yusof<sup>2, b)</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak, Malaysia <sup>2</sup>Jabatan  
Perdagangan, Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak, Malaysia

<sup>a)</sup>Corresponding author: [mrosdi.ripin@puo.edu.my](mailto:mrosdi.ripin@puo.edu.my)

<sup>b)</sup>[zuharyati.yusof@puo.edu.my](mailto:zuharyati.yusof@puo.edu.my)

Received 1 October 2025, Accepted 28 October 2025, Available Online 17 November 2025

**Abstrak.** Kajian ini dijalankan bagi menilai keberkesanan Program Kepimpinan Muda (KEMUDA) anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam membentuk kepimpinan belia berteraskan nilai-nilai dakwah Islam. Kajian melibatkan alumni program bagi tempoh tahun 2016 hingga 2023 yang merangkumi tiga segmen utama, iaitu Rakan Siswa YADIM, Rakan Remaja YADIM dan Rakan Belia YADIM. Lima dimensi utama keberkesanan program dianalisis, iaitu: pengukuhan fardu ain dan ibadah asas, kepimpinan Islam, kemahiran dakwah, kemahiran pengurusan dan organisasi, serta ketampakan sosial. Pendekatan kajian kuantitatif telah digunakan dengan pengumpulan data melalui borang soal selidik yang dijawab oleh 445 orang alumni. Dapatan kajian menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi bagi kesemua aspek dalaman, khususnya dalam aspek kepimpinan Islam (Min = 4.54) dan kemahiran pengurusan organisasi (Min = 4.50), manakala aspek ketampakan sosial berada pada tahap sederhana (Min = 3.11). Ujian korelasi Spearman's Rho pula menunjukkan hubungan yang sangat kuat antara kemahiran dakwah dengan elemen kepimpinan Islam ( $r = .850$ ) dan kemahiran pengurusan ( $r = .806$ ). Kajian ini menggunakan data daripada laporan dalaman YADIM yang masih dalam proses dokumentasi rasmi. Penyelidik terlibat secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti yang dianjurkan oleh KEMUDA dan menjalankan penilaian impak program berdasarkan data sedia ada yang diperolehi dengan kebenaran daripada pihak YADIM.

Keywords: KEMUDA, kepimpinan belia, kemahiran dakwah, ketampakan social

## PENDAHULUAN

Dalam konteks pembangunan negara bangsa, kepimpinan belia merupakan elemen strategik yang menentukan hala tuju masa depan masyarakat. Keupayaan membentuk barisan pemimpin muda yang berintegriti, berkemahiran serta berpaksikan nilai-nilai Islam adalah suatu keperluan mendesak dalam mendepani cabaran globalisasi, pascamodenisme dan dekad perubahan teknologi. Seiring dengan matlamat Malaysia MADANI, pendekatan pembinaan kepimpinan belia perlu ditunjangi oleh prinsip ilmu, akhlak, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial, agar generasi muda mampu menjadi agen perubahan yang holistik dan lestari.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia sebuah badan dakwah utama negara telah mengambil tanggungjawab untuk merealisasikan agenda pembangunan kepimpinan Islam melalui penganjuran Program Kepimpinan Muda. Program ini dirangka khusus untuk membina kapasiti belia Muslim menerusi tiga segmen utama iaitu Rakan Siswa YADIM (RSY), Rakan Remaja YADIM (RRY), dan Rakan Belia YADIM (RBY). Sejak diperkenalkan pada tahun 2016, program ini telah melibatkan ribuan peserta dari pelbagai latar belakang pendidikan dan komuniti, dengan matlamat melahirkan pelapis kepimpinan dakwah yang beridealisme Islam dan berdaya saing.

Namun begitu, persoalan yang sering dibangkitkan dalam kalangan pembuat dasar dan penggerak program adalah berkaitan keberkesanan sebenar program ini terhadap pembentukan sahsiah, kemahiran dakwah dan potensi kepimpinan para alumni KEMUDA. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menilai secara empirikal impak program KEMUDA dalam membentuk ciri-ciri kepimpinan dakwah dalam kalangan belia Muslim. Kajian ini turut menganalisis hubungan antara pelbagai elemen latihan seperti pengukuhan fardhu ain, kemahiran komunikasi, pengurusan organisasi, dan ketampakan sosial terhadap pembangunan kemahiran dakwah dalam kalangan peserta.

Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada 445 alumni KEMUDA (daripada jumlah keseluruhan 1334), kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan bermakna kepada YADIM khususnya, dan kepada ekosistem pembangunan kepimpinan belia Islam di Malaysia amnya. Pendekatan ini juga seiring dengan aspirasi negara untuk melahirkan pemimpin muda berdaya tahan yang mampu berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara secara berterusan dan berskala besar.

### **Latar Belakang Program KEMUDA**

Program Kepimpinan MUDA merupakan inisiatif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia yang diwujudkan khusus bagi memperkasa potensi kepimpinan dalam kalangan belia Muslim. Program ini berperanan sebagai wadah pelengkap kepada pendidikan formal dengan memberi penekanan terhadap pembangunan sahsiah, kemahiran dakwah, serta idealisme kepimpinan Islam yang progresif dan berorientasikan komuniti.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2016, KEMUDA telah berkembang melalui tiga cabang utama mengikut segmen usia dan institusi sasaran, iaitu:

- Rakan Siswa YADIM - melibatkan mahasiswa IPTA/IPTS berumur antara 21–25 tahun.
- Rakan Remaja YADIM - menyasarkan pelajar sekolah menengah dan matrikulasi berumur antara 16–20 tahun.
- Rakan Belia YADIM - melibatkan pelajar institusi kemahiran dan belia umum berumur antara 18–25 tahun.

Program ini melibatkan pelaksanaan modul pelbagai bentuk seperti kem kepimpinan, konvensyen, latihan kemahiran insaniah, seminar dakwah, serta khidmat komuniti. Antara objektif utama KEMUDA termasuk:

- Melahirkan pemimpin pelapis beridealisme Islam dan berjiwa dakwah;
- Menyediakan ruang kepada generasi muda menyumbang secara aktif kepada pembangunan ummah;
- Membina kemahiran komunikasi, pengurusan dan keterampilan kepimpinan yang relevan dengan keperluan semasa.

Program KEMUDA tidak hanya bersifat episodik, tetapi dirancang secara bersiri dan bersifat transformasional, agar peserta dapat berkembang dalam jangka masa panjang. Sehingga tahun 2023, lebih 1300 alumni telah mengikuti program ini, merangkumi penyertaan pelbagai peringkat dan modul khas.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk deskriptif yang bertujuan menilai tahap keberkesanan program KEMUDA dari perspektif alumni yang pernah mengikuti salah satu atau lebih modul di bawah Rakan Siswa, Rakan Remaja atau Rakan Belia YADIM antara tahun 2016 hingga 2023.

### **Populasi dan Sampel**

Populasi kajian merangkumi 1,334 orang alumni program KEMUDA di seluruh negara. Kajian ini menggunakan persampelan bukan rawak secara bertujuan (*purposive sampling*) kerana penyelidik memerlukan peserta yang mempunyai pengalaman langsung mengikuti program KEMUDA dan berkaitan terus dengan persoalan kajian tentang keberkesanan program (Creswell & Creswell, 2018; Etikan, Musa, & Alkassim, 2016).

Bagi tujuan kajian ini, pemilihan sampel dilakukan berdasarkan beberapa kriteria khusus yang telah ditetapkan bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan pengumpulan data. Pertama, responden mestilah terdiri daripada individu yang pernah mengikuti program Kepimpinan MUDA (KEMUDA) dalam tempoh antara tahun 2016 hingga 2023. Kriteria ini ditetapkan bagi memastikan peserta mempunyai pengalaman langsung yang relevan dengan objektif kajian. Kedua, responden hendaklah merupakan warganegara Malaysia, memandangkan kajian ini berfokus kepada konteks pelaksanaan program KEMUDA di peringkat nasional. Ketiga, responden perlu bersedia memberikan maklum balas lengkap melalui instrumen soal selidik yang disediakan, bagi menjamin kesahihan dan ketepatan data yang diperolehi. Keempat, responden hendaklah mempunyai akses kepada e-mel atau

aplikasi pesanan, yang digunakan untuk tujuan pengesahan penyertaan dan penjejakan respons sepanjang tempoh pengumpulan data.

### **Prosedur Pemilihan dan Pengumpulan Data**

Senarai asas alumni diperoleh daripada rekod rasmi penganjur program. Proses pengedaran soal selidik dilaksanakan melalui dua saluran utama, iaitu: (i) edaran secara fizikal semasa perhimpunan atau kepada alumni terpilih, dan (ii) edaran secara dalam talian melalui pautan borang yang dihantar menerusi e-mel serta aplikasi media sosial rasmi alumni. Pendekatan gabungan ini membolehkan penyelidik menapis peserta berdasarkan kriteria inklusi yang telah ditetapkan, di samping memaksimumkan capaian kepada kumpulan sasaran yang khusus. Kaedah ini selaras dengan prinsip persampelan bertujuan (*purposive sampling*) sebagaimana dihuraikan oleh Creswell dan Creswell (2018).

Daripada keseluruhan populasi yang dikenal pasti, sebanyak 445 respons lengkap telah diterima, mewakili 33.4% daripada jumlah populasi. Kadar respons ini dianggap memadai bagi tujuan analisis kuantitatif peringkat tinjauan, khususnya bagi kajian yang memfokuskan populasi khusus. Menurut Etikan et al. (2016), persampelan bertujuan tidak memerlukan kadar respons yang setinggi persampelan rawak kerana penekanan utamanya adalah terhadap kesesuaian responden dengan objektif kajian. Tambahan pula, kadar respons melebihi 30% lazimnya diterima sebagai memuaskan bagi kajian berbentuk tinjauan dalam bidang sains sosial (Fincham, 2008), terutamanya apabila responden terlibat adalah kumpulan sasaran yang mempunyai pengalaman langsung terhadap fenomena kajian.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen utama kajian ialah borang soal selidik yang dibina khusus berasaskan objektif Modul Kepimpinan MUDA serta disokong oleh sorotan literatur berkaitan kepimpinan Islam, dakwah, dan pembangunan belia. Soal selidik ini mengandungi item-item yang menilai lima konstruk utama:

- i. Pengukuhan Fardhu Ain dan Ibadah Asas – menilai tahap pengetahuan, kefahaman, dan pelaksanaan ibadah asas;
- ii. Kepimpinan Islam – mengukur kemahiran memimpin berasaskan prinsip syura, amanah, dan integriti;
- iii. Kemahiran Dakwah – menilai keupayaan merancang, melaksanakan, dan menilai program dakwah secara berkesan;
- iv. Kemahiran Pengurusan dan Organisasi – mengukur kebolehan merancang program, mengurus sumber, dan menyelaras organisasi;
- v. Ketampakan Sosial (*Visibility*) – mengukur tahap penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, jaringan sosial, dan pengaruh positif.

Item-item soal selidik ini dibangunkan melalui gabungan dua sumber:

- i. Adaptasi daripada konstruk sedia ada dalam literatur kepimpinan dan pembangunan belia (Bass & Bass, 2008; Northouse, 2022);
- ii. Pembinaan asli berasaskan dokumen Modul Kepimpinan KEMUDA dan Modul Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam (MMPA) yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Institut Tadbiran Awam Negara sebahagian daripada Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam. Kandungan MMPA menekankan enam nilai teras Malaysia MADANI iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan yang kemudiannya disesuaikan mengikut konteks kajian ini bagi menilai keberkesanan KEMUDA dalam membentuk kepimpinan mahasiswa berteraskan nilai.

Setiap konstruk diukur menggunakan beberapa item berbentuk skala Likert lima mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju. Contoh item bagi setiap konstruk adalah seperti berikut:

- i. Pengukuhan Fardhu Ain dan Ibadah Asas – Saya menunaikan solat fardhu secara konsisten mengikut waktu; Saya memahami tatacara pelaksanaan ibadah asas dengan betul.

- ii. Kepimpinan Islam – Saya mengamalkan prinsip syura dalam membuat keputusan; Saya memimpin dengan berlandaskan nilai amanah dan integriti.
- iii. Kemahiran Dakwah – Saya mampu merancang program dakwah yang berkesan; Saya mampu menyampaikan mesej dakwah dengan menggunakan pelbagai medium.
- iv. Kemahiran Pengurusan dan Organisasi – Saya mampu menyelaras tugas dalam pasukan secara teratur; Saya dapat mengurus masa dan sumber dengan cekap semasa melaksanakan program.
- v. Ketampakan Sosial (Visibility) – Saya aktif melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan; Saya mempunyai rangkaian hubungan yang luas untuk tujuan kemasyarakatan.

Jumlah keseluruhan item bagi soal selidik ini ialah 32, dengan bilangan item bagi setiap konstruk antara 5 hingga 7 item. Kesahan kandungan (content validity) diperoleh melalui semakan tiga orang pakar dalam bidang kepimpinan Islam dan metodologi penyelidikan. Selain itu, ujian rintis (pilot test) terhadap 30 orang alumni KEMUDA telah dijalankan untuk menguji kefahaman dan kebolehpercayaan instrumen. Nilai Cronbach's Alpha keseluruhan ialah 0.89, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Nunnally & Bernstein, 1994). Setiap item diukur menggunakan skala Likert 5 mata, daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

### Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS. Analisis terdiri daripada dua tahap. Pertama, analisis deskriptif digunakan untuk menentukan nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk penilaian. Kedua, analisis inferensi menggunakan ujian korelasi Spearman's Rho bagi mengenal pasti hubungan antara kemahiran dakwah (pemboleh ubah bersandar) dengan konstruk lain sebagai pemboleh ubah bebas. Sebelum analisis korelasi dijalankan, ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk telah dilaksanakan bagi menentukan jenis analisis yang sesuai. Keputusan ujian menunjukkan semua data tidak bertaburan secara normal; oleh itu, penggunaan Spearman's Rho dipilih sebagai kaedah yang paling sesuai (Field, 2018).

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada dua komponen utama iaitu analisis deskriptif bagi mengukur tahap keberkesanan program KEMUDA dalam pelbagai aspek latihan, dan analisis inferensi bagi menilai kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan kemahiran dakwah sebagai pemboleh ubah bersandar.

#### Analisis Deskriptif: Tahap Keberkesanan Mengikut Dimensi

Berdasarkan nilai skor min dan sisihan piawai (SP), lima aspek utama latihan dinilai oleh 445 orang alumni KEMUDA. Jadual berikut merumuskan dapatan:

JADUAL 1-Skor Min dan Tafsiran Tahap Penilaian Modul KEMUDA

Konstruk Penilaian	Skor Min	Sisihan Piawai (SP)	Tafsiran Tahap <sup>1</sup>
Pengukuhan Fardhu Ain dan Ibadah Asas	4.41	0.636	Tinggi
Kepimpinan Islam	4.54	0.540	Tinggi
Kemahiran Dakwah	4.47	0.568	Tinggi
Kemahiran Pengurusan dan Organisasi	4.50	0.580	Tinggi
Ketampakan Sosial (Visibility)	3.11	0.956	Sederhana

<sup>1</sup>Tafsiran tahap skor min adalah berdasarkan skala interpretasi min oleh Nunnally & Bernstein (1994) dan Chua (2014):

1.00–2.33 = Rendah; 2.34–3.66 = Sederhana; 3.67–5.00 = Tinggi.

### Interpretasi:

Keseluruhan dimensi menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi, kecuali aspek ketampakan yang berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa program KEMUDA berjaya memperkukuh aspek dalaman kepimpinan dan keilmuan, namun memerlukan strategi lanjut dalam meningkatkan kehadiran dan keterlibatan alumni dalam masyarakat secara terbuka.

### **Analisis Inferensi: Korelasi Antara Konstruk Latihan dan Kemahiran Dakwah**

Bagi menilai kekuatan hubungan antara setiap dimensi latihan dengan kemahiran dakwah, analisis Spearman's Rho telah dijalankan memandangkan data tidak bertaburan secara normal (rujuk Ujian Normaliti).

Pemboleh Ubah Bebas	Koefisien Korelasi (r)	Nilai Signifikan (p)	Tafsiran Hubungan <sup>1</sup>
Pengukuhan Fardhu Ain & Ibadah Asas	.743**	< .001	Sangat Tinggi
Kepimpinan Islam	.850**	< .001	Sangat Tinggi
Kemahiran Pengurusan dan Organisasi	.806**	< .001	Sangat Tinggi
Ketampakan Sosial (Visibility)	.187**	< .001	Rendah

<sup>1</sup>Tafsiran nilai r adalah berdasarkan skala interpretasi oleh Schober, Boer, & Schwarte (2018):

- 0.00–0.10 = Tiada korelasi
- 0.10–0.39 = Rendah
- 0.40–0.69 = Sederhana
- 0.70–0.89 = Tinggi
- 0.90–1.00 = Sangat Tinggi

Nota:  $p < .001$  menunjukkan hubungan adalah signifikan pada aras 0.01.

### **Interpretasi:**

Terdapat hubungan positif dan sangat signifikan antara kemahiran dakwah dengan ketiga-tiga konstruk utama iaitu pengukuhan fardhu ain, kepimpinan Islam dan kemahiran pengurusan.

Namun, hubungan dengan aspek ketampakan adalah rendah, menunjukkan bahawa walaupun peserta mempunyai potensi dalaman yang tinggi, aspek keberadaan dan sumbangan mereka di ruang awam masih memerlukan penguatan.

### **Rumusan Dapatan Utama**

Aspek dalaman kepimpinan seperti kefahaman agama, kemahiran komunikasi, serta kebolehan mengurus organisasi berada pada tahap tinggi dalam kalangan alumni. Kemahiran dakwah pula terbina secara bersepadu hasil daripada modul-modul latihan yang telah disampaikan, membolehkan alumni melaksanakan aktiviti dakwah secara lebih terancang dan berkesan. Walau bagaimanapun, kehadiran sosial dan keterlibatan komuniti masih berada pada tahap rendah, mencadangkan perlunya strategi pemantapan ketampakan melalui penggunaan media, penulisan, dan aktivisme masyarakat.

### **Perbincangan**

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Program Kepimpinan MUDA anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia telah mencapai tahap keberkesanan yang tinggi dalam membentuk ciri-ciri asas kepimpinan dakwah dalam kalangan alumni. Hasil analisis deskriptif dan inferensi secara langsung menjawab ketiga-tiga objektif kajian, sekali gus memberi justifikasi empirikal kepada keperluan untuk meneruskan dan menambah baik pelaksanaan program seumpamanya.

## Hubungan Dapatan Dengan Objektif Kajian

Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan kandungan modul dan kemahiran dakwah. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan peserta adalah tinggi dalam empat aspek: pengukuhan fardhu ain (min = 4.41), kepimpinan Islam (min = 4.54), kemahiran dakwah (min = 4.47), dan kemahiran pengurusan (min = 4.50). Ini mencerminkan keberkesanan struktur modul KEMUDA dalam menyampaikan ilmu dan kemahiran dakwah yang bersifat praktikal dan relevan dengan keperluan semasa.

Objektif kedua adalah untuk menilai keberkesanan kandungan modul dalam menyumbang kepada pembentukan kemahiran dakwah. Analisis korelasi membuktikan bahawa terdapat hubungan yang sangat tinggi antara kemahiran dakwah dengan pengukuhan fardhu ain ( $r = .743$ ), kepimpinan Islam ( $r = .850$ ), dan kemahiran pengurusan ( $r = .806$ ). Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Mokhtar et al. (2024) yang menekankan bahawa keberkesanan program kepimpinan mahasiswa bergantung pada kesepaduan antara ilmu, sahsiah, dan latihan praktikal. Sementara itu, dapatan sederhana dalam aspek ketampakan sosial turut diperincikan oleh Ahmad Faisal dan Zulkiple (2013) yang menjelaskan bahawa walaupun belia Muslim di institusi pengajian Islam menunjukkan komitmen tinggi terhadap pembangunan ilmu dan aktiviti kampus, penyertaan mereka dalam aktiviti dakwah lapangan, advokasi media, dan kepimpinan akar umbi masih berada pada tahap sederhana. Justeru, pembinaan ekosistem sokongan pasca-latihan adalah penting bagi memastikan kelestarian peranan alumni sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

Objektif ketiga pula ialah untuk membantu pihak YADIM dalam penambahbaikan pelaksanaan modul KEMUDA. Walaupun tahap keberkesanan modul adalah tinggi, aspek ketampakan sosial berada pada tahap sederhana (min = 3.11,  $r = .187$ ). Hal ini mencadangkan bahawa peserta belum cukup terlibat secara aktif dalam ruang awam, khususnya dalam memimpin komuniti, menghasilkan penulisan dakwah, dan menyumbang dalam wacana sosial semasa. Maka, penambahbaikan dari sudut pemantapan keterlibatan sosial dan pengukuhan jaringan pasca- program adalah diperlukan.

## Implikasi Praktikal Terhadap Pembangunan Kepimpinan Belia

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting kepada penggubal dasar dan pelaksana program. Modul latihan berfasa dan bersiri seperti KEMUDA terbukti mampu membentuk asas kepimpinan dakwah yang utuh. Asas keagamaan (fardhu ain), kemahiran insaniah dan pengurusan, serta latihan dakwah praktikal membina pakej kepimpinan yang seimbang. Keberkesanan program juga bergantung kepada keterlibatan aktif peserta selepas latihan. Ketiadaan platform lanjutan bagi alumni menyumbang kepada masyarakat boleh mengehadkan impak jangka panjang program. Justeru, perlu diwujudkan sistem pemantauan dan pangkalan data alumni untuk mengesan keberadaan mereka dalam masyarakat serta memberikan sokongan kepada mereka yang aktif memimpin dan berdakwah.

## Kesimpulan Bahagian

Secara keseluruhannya, program KEMUDA telah menunjukkan impak positif dalam membina asas kepimpinan dakwah belia Islam. Walau bagaimanapun, penekanan yang lebih tuntas perlu diberikan kepada usaha memperluas ketampakan sosial dan keterlibatan strategik alumni dalam pelbagai lapangan dakwah kontemporari. Maka, penambahbaikan modul, pemantauan susulan dan penyusunan semula strategi pasca-latihan menjadi keperluan mendesak demi memastikan program ini benar-benar melahirkan pemimpin muda berjiwa MADANI yang mampu berkhidmat untuk agama dan negara.

## KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa Program Kepimpinan MUDA anjuran YADIM telah mencapai tahap keberkesanan yang tinggi dalam membentuk asas kepimpinan dakwah dalam kalangan belia. Modul-modul latihan yang merangkumi aspek fardhu ain, kepimpinan Islam, kemahiran dakwah, dan pengurusan organisasi terbukti memberi impak signifikan terhadap pembangunan sahsiah dan potensi kepimpinan peserta.

Walaupun bagaimanapun, aspek ketampakan sosial masih menunjukkan ruang untuk penambahbaikan. Justeru, strategi pasca-latihan yang lebih menyeluruh perlu diberi perhatian, termasuk memperkukuh platform alumni,

menyusun modul secara bersiri, dan mengukuhkan latihan lapangan serta advokasi sosial bagi memastikan kelestarian impak program.

KEMUDA bukan sekadar program latihan, tetapi merupakan pelaburan strategik negara dalam melahirkan pemimpin muda Muslim yang mampu menyumbang kepada pembangunan ummah secara berterusan. Dengan komitmen yang konsisten daripada pihak pelaksana, alumni, dan rakan strategik, program ini berpotensi menjadi model rujukan pembangunan kepimpinan belia Islam di peringkat nasional dan antarabangsa, selari dengan gagasan Malaysia MADANI.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia atas kepercayaan dan sokongan padu dalam pelaksanaan Program Kepimpinan Muda (KEMUDA) yang menjadi asas utama kepada kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Bahagian Kepimpinan Muda YADIM serta Bahagian Perancangan Strategik dan Media YADIM atas kerjasama, penyediaan data serta bimbingan sepanjang proses kajian dan penyediaan laporan.

Penghargaan khusus ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mariam binti Abdul Majid, Dr. Alawiyah binti Tengah, dan seluruh pasukan penyelidik dari Universiti Islam Selangor (UIS) atas sumbangan ilmu, kepakaran serta pengesahan instrumen kajian yang telah memperkukuh kesahan dan kebolehpercayaan data. Tidak dilupakan juga kepada semua alumni KEMUDA dari seluruh Malaysia yang sudi meluangkan masa untuk memberikan maklum balas terhadap soal selidik kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Haji Don. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Belia Islam* (10–11 September 2007). Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia; 2008.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid, Zulkiple Abd Ghani. Peranan Institut Pengajian Tinggi Islam dalam pembangunan modal insan di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Usuluddin*. 2013; 38:27–50.
- Bass BM, Bass R. *The Bass handbook of leadership: Theory, research, and managerial applications*. 4th ed. New York: Free Press; 2008.
- Chua YP. *Asas statistik penyelidikan*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education; 2014.
- Creswell JW, Creswell JD. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 5th ed. Thousand Oaks (CA): Sage; 2018.
- Etkin I, Musa SA, Alkassim RS. Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *Am J Theor Appl Stat*. 2016;5(1):1–4.
- Field A. *Discovering statistics using IBM SPSS Statistics*. 5th ed. London: SAGE Publications; 2017.
- Fincham JE. Response rates and responsiveness for surveys, standards, and the Journal. *Am J Pharm Educ*. 2008;72(2):43. doi:10.5688/aj720243.
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). *Modul Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam (MMPA)*. Putrajaya: INTAN; 2024.
- International Republican Institute (IRI). *Malaysia: Youth leadership opportunities and experiences in political parties [Laporan]*. Washington (DC): IRI; 2024 Apr.
- Ministry of Youth and Sports Malaysia. *Pelan pembangunan belia negara: Dasar dan aspirasi*. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia; 2023.
- Mokhtar WKA, Ibrahim A, Khairuldin WMKF, Embong AH, Ali AWM, Saud M. Modeling the student leadership, citizenship, and democratisation in Islamic university in Malaysia. *Int Res J Multidiscip Scope*. 2024;5(2):549–63. doi:10.47857/irjms. 2024.v05i02.0572.
- Northouse PG. *Leadership: Theory and practice*. 9th ed. Thousand Oaks (CA): SAGE Publications; 2022.
- Nunnally JC, Bernstein IH. *Psychometric theory*. 3rd ed. New York: McGraw-Hill; 1994.
- Schober P, Boer C, Schwarte LA. Correlation coefficients: Appropriate use and interpretation. *Anesth Analg*. 2018;126(5):1763–8. doi:10.1213/ANE.0000000000002864.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). *Laporan kajian keberkesanan Program Kepimpinan MUDA (KEMUDA), YADIM 2016–2023*. Putrajaya: Bahagian Kepimpinan Muda, YADIM; 2024.